

KEFAHAMAN OBJEKTIF

KEFAHAMAN OBJEKTIF: LATIHAN 1

ARAHAN: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Salah satu tugasku sebagai ketua darjah adalah untuk mengambil register kelas kami di pejabat sekolah pada tiap-tiap pagi. Pada waktu rehat aku akan kembalikannya ke pejabat pula. Pada suatu hari aku ambil **kesempatan** untuk lihat senarai nama rakan-rakan sedarjah di dalam register itu. Aku hairan melihat aku ada dua nama di dalam register itu, Alias bin Razali alias Alias bin Mahmud. Aku terfikir-fikir mengapa aku berbin dengan dua nama.

Selama seminggu perkara ini bermain-main dalam mindaku. Setahu aku nama ayahku Razali tetapi siapa pula Mahmud? Pada suatu malam semasa aku dan ibu bapaku bertiga sedang duduk berbual di ruang tamu, aku bertanya ayahku berkenaan perkara itu. Ayahku menjawab bahawa nama sebenarnya Mahmud dan Razali adalah nama panggilannya daripada kecil. Ibuku gelengkan kepalanya apabila mendengar jawapan ayahku itu.

Ibuku meninggalkan kami berdua di ruang tamu lalu menuju ke biliknya. Dia kembali ke ruang tamu dengan membawa sebuah fail. Ibuku berkata, "Maafkan kami kerana menyimpan rahsia ini. Sebenar Alias adalah anak angkat kami. Kami mengambil Alias semasa Alias berusia lima bulan kerana ibu bapa sebenar Alias telah terkorban dalam satu kemalangan jalan raya. Mereka adalah jiran kami semasa di kampung dahulu. Ini surat beranak dan surat sumpah untuk mengesahkan Alias adalah anak kami yang sah dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun Alias tetap anak kami."

ARAHAN:

Jawab item-item berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai isikan angka jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang diberi.

1. Pada setiap pagi hari bersekolah Alias bertanggungjawab untuk _____.
 (1) menyemak nama ibu bapanya
 (2) ambil register kelasnya di pejabat
 (3) hantar register kelasnya ke pejabat
 (4) menyemak senarai nama kawan-kawan sedarjah ()

2. Alias akan kembalikan register itu ke pejabat _____.
 (1) pada waktu rehat
 (2) setelah dia semak namanya
 (3) guru darjahnya menyuruhnya
 (4) setelah senarai nama murid-murid disemak ()

3. Apabila dia ternampak dia ada dua nama di dalam register itu, Alias _____.
 (1) terperanjat
 (2) berasa curiga
 (3) berasa hairan
 (4) menanya ayahnya ()

4. Ayahnya berdalih semasa menjawab pertanyaan Alias kerana dia hendak _____.
 (1) Alias percayakan dia
 (2) sembunyikan perkara sebenar
 (3) ibu bapa kandung Alias masih hidup
 (4) ibu bapa kandung Alia telah meninggal dunia ()

5. Perkataan **kesempatan** dalam petikan bermaksud _____.
 (1) masa
 (2) helah
 (3) alasan
 (4) peluang ()